




Nikmati lebih
manfaat dengan
**Bantuan IKHLAS
Supreme Takaful**

Bantuan IKHLAS
Supreme



Kami Melindungi Anda

Bantuan IKHLAS Supreme adalah 24-jam bantuan sisi jalan yang menawarkan manfaat tambahan bagi melengkapi perlindungan takaful kereta anda.



Bantuan tunda 24-Jam tanpa had

Sekiranya Kenderaan yang Dilindungi mengalami kerosakan atau terlibat dalam kemalangan, dan tidak mungkin dapat dibaiki di lokasi, penyedia perkhidmatan kami akan membantu untuk menarik kenderaan yang dilindungi ke mana-mana bengkel panel kami, bengkel francais sah pengeluar atau ke bengkel pilihan peserta takaful. Semua caj tol akan ditanggung oleh Peserta Takaful.

Manfaat kemalangan diri 24-jam untuk peserta takaful

Manfaat kematian dan hilang keupayaan kekal diperluaskan untuk Peserta Takaful selama dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia, tidak kira sama ada Peserta Takaful berada di dalam Kenderaan yang Dilindungi atau tidak.



Manfaat kemalangan diri pemandu & penumpang

Kematian / Hilang Keupayaan Kekal Orang yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) akibat kenderaan yang dilindungi.

Manfaat elaun kesulitan

Manfaat elaun kesulitan seperti bantuan baki kad kredit Islamik, bantuan pembiayaan pinjaman Kereta Islamik, Elaun untuk kerosakan atau kehilangan kereta, elaun untuk kerugian sepenuhnya atau kecurian, Elaun untuk perbelanjaan kerosakan akibat banjir dan Elaun untuk pecah dan samun.



Manfaat program bantuan kereta

Peserta Takaful di bawah Sijil Takaful ini layak untuk Program Bantuan IKHLAS Road Assist yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kami, 24 jam sehari, 365 hari dalam setahun. Manfaat ini akan diberikan kepada Kenderaan yang Dilindungi sekiranya berlaku Kemalangan atau Kerosakan dalam Tempoh Takaful.

Untuk maklumat lanjut : www.takaful-ikhlaskom.my